

Pelan kurangi gangguan trafik di tapak projek MRT

KUALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) akan melaksanakan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) di tapak pembinaan projek My Rapid Transit (MRT) dalam usaha mengurangkan gangguan aliran trafik dan melindungi keselamatan pengguna jalan raya.

Pengarah Perhubungan Awam dan Komunikasi Strategik MRT Corp, Amir Mahmood Razak berkata, TMP adalah pelan komprehensif diendalikan pakar trafik mengikut garis panduan kerajaan dan direka untuk membolehkan pengguna jalan raya serta pejalan kaki melalui kawasan pembinaan dengan selamat.

“Rekaan TMP menangani tiga perkara utama terhadap keprihatinan kemudahan awam iaitu langkah mengatasi kesesakan lalu lintas, menyedia-



TUNJUK...
Amir Mahmood (dua dari kanan) menunjukkan peralatan keselamatan digunakan.

kan papan tanda amaran yang mudah dilihat serta keselamatan pejalan kaki di kawasan pembinaan,” katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Menurutnya, bagi memastikan keberkesanan MRT,

kontraktor perlu melaksanakannya sepenuhnya dan boleh dikenakan penalti jika gagal berbuat demikian.

“Pihak kami akan memastikan projek ini dilaksanakan tepat pada masa tanpa men-

cetuskan masalah gangguan kepada komuter di Lembah Klang. MRT Corp sudah mengarahkan rakan kongsi syarikat ini untuk melaksanakan TMP kepada semua kontraktor,” katanya.